

40 tahun untuk mendalamkan sungai di Pahang

KUANTAN - Projek mendalamkan sungai di Pahang bagi menangani masalah banjir di negeri ini akan mengambil tempoh 40 tahun untuk disiapkan bermula Januari tahun depan.

Sehubungan itu, kerajaan negeri Pahang melantik Syarikat Gegaran Alam Sdn. Bhd. untuk melaksanakan fasa pertama projek itu melibatkan jangka masa 15 tahun.

Pengarah Urusan Syarikat Gegaran Alam Sdn. Bhd., Ng Yit Seng berkata, syarikat berkenaan bekerjasama dengan China Malaysia (Pahang) Project Management Company Limited dari Beijing, China dalam aspek penggunaan teknologi canggih yang boleh digunakan untuk kerja mengorek sungai itu.

Beliau berkata, dalam cadangan yang dikemukakan syarikat itu kepada kerajaan negeri, tempoh 40 tahun diperlukan untuk mendalamkan sungai di Pahang, meliputi tiga fasa dengan fasa pertama dan kedua masing-masing memerlukan tempoh 15 tahun manakala fasa ketiga pula 10 tahun.

"Sebagai permulaan, kerajaan negeri beri kelulusan melaksanakan kerja mengorek sungai bagi tempoh 15 tahun, selepas itu (kerajaan negeri) akan menilai semula kemampuan syarikat kita buat kerja ini untuk sama ada akan memberi kelulusan meneruskan kerja bagi fasa seterusnya atau sebaliknya," katanya.

Yit Seng berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani perjanjian persefahaman bersama syarikat China itu di sini semalam.